



**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)
DI MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN YURAN PELAJAR
PROGRAM PERUBATAN UniSHAMS**

**PADA : 16 APRIL 2018
TEMPAT : DEWAN SENAT, UniSHAMS.**

TEKS UCAPAN ALUAN REKTOR

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN YURAN PELAJAR PROGRAM PERUBATAN UniSHAMS
Dewan Senat, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
16 April 2018

Bismillah ar-Rahman ar-Rahim

*Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, wassola tu wassalam 'ala sayyidil
mursalin, wa 'ala aalihi wasahbihi ajmai'n*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YBhg. Prof. Dr Mohamad bin Abdul Hamid
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

YBhg. Dr Wan Najzmi bin Mohamed Fisol
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

YBr. En. Mohd Zamri bin Shahdan
Bendahari

Yang diraikan
YBhg. Sheikh Zakaria bin Othman
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Negeri Kedah

Dan

En. Haniff bin Harun
Lembaga Zakat Negeri Kedah

→ *Muhammad Hafizi Almi
Pegawai Lembaga Zakat Negeri Kedah*

YBr. Prof. Dr Mohd Jamil bin Yaacob
Dekan Kulliyah Perubatan & Sains Kesihatan

YBr. Tn. Hj. Hamlan bin Din
Pengarah Bahagian Pemasaran, Jaringan Industri & Komuniti

En. Saiful Adli bin Sukhaimi
Ketua Unit Penajaan & OSSC

Seterusnya para waris dan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan UniSHAMS yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan keizinan Nya, dapat kita bertemu dalam Majlis Penyerahan Bantuan Yuran Pelajar Program Perubatan UniSHAMS.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi.

Sebagai makluman, UniSHAMS telah mengemukakan permohonan Biasiswa Pendidikan LZNK pada Oktober 2017 untuk 20 orang pelajar dari kalangan Anak Kedah, Waris Anak Kedah dan Keluarga Bermastautin di Negeri Kedah. Pelajar-pelajar ini merupakan mereka yang menerima kelulusan pembiayaan PTPTN dengan jumlah maksima RM150,000 dan mereka yang tidak mendapat sebarang bentuk pembiayaan. Sejak Januari 2015, permohonan edu-loan MARA masih belum dibuka sehingga hari ini. Ini merupakan cabaran besar pelajar dan waris untuk menjelaskan yuran pengajian Program Perubatan yang mencecah RM250,000.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pihak UniSHAMS mengambil isu ini secara penuh hikmah dan positif. Pihak UniSHAMS tetap bersikap rasional dan akan berhadapan isu ini secara professional. Alhamdulillah, permohonan UniSHAMS telah diluluskan pihak LZNK untuk membiayai tunggakan yuran pengajian 20 orang pelajar yang berjumlah RM1.05 Juta. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Sheikh Zakaria

bin Othman di atas kelulusan ini. Walaupun secara dasarnya, permohonan tersebut tiada kelayakan kerana hanya terbuka kepada pelajar tahun pertama pengajian, namun pihak LZNK telah memberi pertimbangan khas untuk meluluskan permohonan ini. Ini membuktikan betapa pihak UniSHAMS dan Kerajaan Negeri serta LZNK amat prihatin dengan isu pembiayaan pelajar Program Perubatan.

Hadirin sekalian,

Suka juga ingin berkongsi makluman terkini yang telah diterima dari pihak PTPTN iaitu kadar pembiayaan RM150,000 telah dinaikkan ke RM250,000 khusus bagi kumpulan pelajar dari keluarga B40 yang mengikuti kursus berkebolehanpasaran tinggi. Pelajar sediaada yang menerima PTPTN boleh menyemak semula status pembiayaan dan kelayakan mereka di mana-mana cawangan Pejabat PTPTN atau terus ke Pejabat OSSC UniSHAMS.

Akhir kata, saya mendoakan agar Allah SWT sentiasa memayungi UniSHAMS dengan rahmat-Nya dan mempermudah segala urusan dan usaha murni kita semua, Insya Allah.

Sekian,

WABILLAHl TAUFIK WAL HIDAAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHl WABARAKAATUH.